

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN**  
**[ PADANG BESAR ]**

**TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)**

**SOALAN**

**Datuk Zahidi bin Zainul Abidin** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan adakah Kementerian dapat memberi diskaun atau subsidi kepada pengguna TNB bagi kawasan yang mengalami panas melampau di masa yang panjang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Cuaca panas dan kering yang melanda negara sejak kebelakangan ini telah menyebabkan peningkatan dalam penggunaan elektrik berikutan peningkatan penggunaan alat penyaman udara seperti alat penghawa dingin dan kipas di kalangan para pengguna. Memandangkan peningkatan bil elektrik disebabkan cuaca panas yang dihadapi oleh pengguna bukan merupakan faktor yang diambil kira dalam mekanisme penetapan tarif elektrik, Kerajaan tidak bercadang untuk memberikan diskaun bil elektrik kepada pengguna-pengguna yang menghadapi kenaikan bil elektrik secara mendadak berikutan cuaca panas ini.
2. Sebaliknya, untuk mengurangkan impak kenaikan bil elektrik akibat peningkatan penggunaan, para pengguna disaran untuk meningkatkan amalan cekap tenaga. Antara langkah yang boleh diambil ialah menggunakan peralatan elektrik cekap tenaga,

menutup suis peralatan elektrik yang tidak digunakan dan meninggikan suhu termostat semasa menggunakan alat penghawa dingin. Panduan kecekapan tenaga yang lain boleh diperolehi dari laman web Kementerian dan Tenaga Nasional Berhad.

\*\*\*\*\*